



No. Ruj. MIDA : ML/2025/01344
No. Ruj. Fail : MIDA.012.600-4/1/660

Tetuan

EPG DATA CENTER MODULE SDN. BHD.

12, Jalan SILC 1/3

Kawasan Perindustrian SILC

Iskandar Puteri

79200 Iskandar Puteri

JOHOR DARUL TA'ZIM

Tuan,

**PERMOHONAN DARIPADA EPG DATA CENTER MODULE SDN. BHD.
UNTUK MENDAPATKAN LESEN PENGILANG DI BAWAH AKTA
PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 1975 (AKTA 156) BAGI
MENGELUARKAN**

- 1) 'IT MODULE SKID & POWER GENERATOR' SEBAGAI PROJEK
PEMBESARAN DI TAPAK-TAPAK BAHARU**
- 2) 'MODULAR COOLING UNIT & CONTAINERISED POWER
DISTRIBUTION UNIT' SEBAGAI PROJEK PELBAGAIAN DI TAPAK
WUJUD DAN TAPAK-TAPAK BAHARU**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada permohonan pihak Tuan dan maklumat lengkap yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berhubung perkara di atas pada 22 Ogos 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan pihak Tuan untuk mendapatkan **Lesen Pengilang** di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) bagi mengeluarkan **'IT module skid & power generator'** sebagai **projek pembesaran di tapak-tapak baharu** dan mengeluarkan **'modular cooling unit & containerised power distribution unit'** sebagai **projek pelbagaian di tapak wujud dan tapak-tapak baharu diluluskan**. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **syarat-syarat** seperti di **Lampiran A, Lampiran A1 dan Lampiran A2** yang dikenakan ke atas Lesen Pengilang yang akan dikeluarkan.



3. Untuk makluman, surat kelulusan ini adalah merupakan kelulusan *interim* sahaja. Bagi penyediaan Lesen Pengilang, Tuan adalah dipohon untuk menyemak dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan kepada pihak MIDA seperti di **Lampiran B** dan seterusnya memuatnaik dokumen-dokumen tersebut (sekiranya pihak Tuan belum berbuat demikian) dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh surat ini** melalui permohonan Pengeluaran Lesen Pengilang (*Issuance of Licence*) secara atas talian melalui portal InvestMalaysia di pautan **<https://investmalaysia.mida.gov.my>**

4. Sekiranya pihak Tuan tidak dapat mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pihak Tuan boleh memohon untuk **mendapatkan penangguhan** melalui permohonan **Penangguhan Pelaksanaan Projek (*Deferment of Project Implementation*)** secara atas talian melalui portal dan pautan yang sama. Namun begitu, sekiranya pihak MIDA tidak menerima dokumen-dokumen seperti di **Lampiran B** serta tiada sebarang permohonan penangguhan dikemukakan, pihak Tuan adalah dianggap tidak lagi berminat untuk melaksanakan projek tersebut dan prosedur penarikan balik kelulusan boleh dilakukan

5. Adalah juga diingatkan, berdasarkan Seksyen 3(1), Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (Akta 156), mana-mana syarikat yang memenuhi kriteria untuk mendapatkan Lesen Pengilang tidak boleh terlibat dalam apa-apa aktiviti pengilangan melainkan satu (1) Lesen dikeluarkan bagi aktiviti pengilangan tersebut.

6. Sebagai tambahan, berdasarkan Seksyen 3(2), syarikat atau sesiapa yang tidak mematuhi Seksyen 3(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua (2) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu (1) ribu ringgit bagi tiap-tiap hari keingkaran itu berterusan.

7. Sekiranya Tuan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai kelulusan ini, sila hubungi:

Pengarah

Bahagian Teknologi Jentera & Logam

Tingkat 28

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

MIDA Sentral

No. 5, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 KUALA LUMPUR

8. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek, pihak Tuan boleh mendapatkan fasilitasi pelaksanaan projek yang telah diluluskan dengan menghubungi Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (TRACK), MIDA dan wakil Jabatan/Agensi seperti di **Lampiran C**.

Sekian, dimaklumkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Pegawai Pelesen
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

Salinan kepada:

1. **Ketua Setiausaha**

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)
Tingkat 28, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
(u.p. Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Industri)

2. **Ketua Pengarah**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
Wisma Hasil
Persiaran Rimba Permai
Cyber 8, 63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p. Pengarah
Jabatan Dasar Percukaian)

3. **Ketua Eksekutif**

Invest Johor
Aras 3 Blok B, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak
Kota Iskandar
79000 Iskandar Puteri
JOHOR DARUL TA'ZIM

4. **Pengarah**

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor
Wisma Alam Sekitar
No.46 Jalan Pertama
Pusat Perdagangan Danga Utama
81300 Johor Bahru
JOHOR DARUL TA'ZIM

5. **Pengarah**

Pejabat MIDA Negeri Johor
No. 5, Level 13
Menara Tabung Haji
Jalan Ayer Molek
80000 Johor Bahru
JOHOR DARUL TA'ZIM

6. **Pengarah**

Bahagian Pasca Pelaburan / TRACK
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

7. **Pengarah**

Bahagian Statistik Pelaburan

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

No. Rujukan MIDA : ML/2025/01344
No. Rujukan Fail : MIDA.012.600-4/1/660
Nama Syarikat : EPG Data Center Module Sdn. Bhd.
Aktiviti/Keluaran : 'Modular Cooling Unit & Containerised Power Distribution Unit'

**SYARAT-SYARAT LESEN PENGILANG
AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 1975 (AKTA 156)**

(a) Tapak : **12, Jalan SILC 1/3
Kawasan Perindustrian SILC
Iskandar Puteri
79200 Gelang Patah
JOHOR DARUL TA'ZIM**

(tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan)

- (b) Penjualan saham-saham syarikat ini perlu dimaklumkan kepada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
- (c) Syarikat ini hendaklah melatih warganegara Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.
- (d) Syarikat hendaklah mematuhi syarat Nisbah Pelaburan Modal Sepekerja – *Capital Investment Per Employee* (CIPE) sekurang-kurangnya RM140,000.00.
- (e) Jumlah gunatenaga sepenuh masa syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia. Penggajian rakyat asing termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyumbangan luar adalah tertakluk kepada dasar semasa.

Lampiran A (Sambungan)

No. Rujukan MIDA : ML/2025/01344
No. Rujukan Fail : MIDA.012.600-4/1/660
Nama Syarikat : EPG Data Center Module Sdn. Bhd.
Aktiviti/Keluaran : 'Modular Cooling Unit & Containerised Power Distribution Unit'

- (f) Syarikat hendaklah mengemukakan maklumat mengenai prestasi pelaburan dan pelaksanaan projek di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) dan Akta MIDA, 1965 apabila dikehendaki oleh MIDA. Kegagalan untuk mengemukakan maklumat tersebut boleh menyebabkan syarikat:
- i. bersalah atas sesuatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi satu (1) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan atau kedua-duanya dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan; atau
 - ii. melakukan sesuatu kesalahan sekiranya memberikan apa-apa penyata atau maklumat lain yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material dan boleh didenda tidak melebihi dua (2) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.
- (g) Syarikat hendaklah melaksanakan projeknya seperti diluluskan dan mematuhi segala peraturan/peruntukan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) dan mengikut undang-undang serta peraturan lain yang termaktub di Malaysia.

No. Rujukan MIDA : ML/2025/01344
No. Rujukan Fail : MIDA.012.600-4/1/660
Nama Syarikat : EPG Data Center Module Sdn. Bhd.
Aktiviti/Keluaran : 'IT Module Skid, Power Generator, Modular Cooling Unit & Containerised Power Distribution Unit'

**SYARAT-SYARAT LESEN PENGILANG
AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 1975 (AKTA 156)**

(a) Tapak : **Lot 544, Jalan Seelong
81400 Senai
JOHOR DARUL TA'ZIM**

(tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan)

- (b) Penjualan saham-saham syarikat ini perlu dimaklumkan kepada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
- (c) Syarikat ini hendaklah melatih warganegara Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.
- (d) Syarikat hendaklah mematuhi syarat Nisbah Pelaburan Modal Sepekerja – *Capital Investment Per Employee* (CIPE) sekurang-kurangnya RM140,000.00.
- (e) Jumlah gunatenaga sepenuh masa syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia. Penggajian rakyat asing termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyumberan luar adalah tertakluk kepada dasar semasa.

Lampiran A1 (Sambungan)

No. Rujukan MIDA : ML/2025/01344
No. Rujukan Fail : MIDA.012.600-4/1/660
Nama Syarikat : EPG Data Center Module Sdn. Bhd.
Aktiviti/Keluaran : 'IT Module Skid, Power Generator, Modular Cooling Unit & Containerised Power Distribution Unit'

- (f) Syarikat hendaklah mengemukakan maklumat mengenai prestasi pelaburan dan pelaksanaan projek di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) dan Akta MIDA, 1965 apabila dikehendaki oleh MIDA. Kegagalan untuk mengemukakan maklumat tersebut boleh menyebabkan syarikat:
- i. bersalah atas sesuatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi satu (1) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan atau kedua-duanya dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan; atau
 - ii. melakukan sesuatu kesalahan sekiranya memberikan apa-apa penyata atau maklumat lain yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material dan boleh didenda tidak melebihi dua (2) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.
- (g) Syarikat hendaklah melaksanakan projeknya seperti diluluskan dan mematuhi segala peraturan/peruntukan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) dan mengikut undang-undang serta peraturan lain yang termaktub di Malaysia.

No. Rujukan MIDA : ML/2025/01344
No. Rujukan Fail : MIDA.012.600-4/1/660
Nama Syarikat : EPG Data Center Module Sdn. Bhd.
Aktiviti/Keluaran : 'IT Module Skid, Power Generator, Modular Cooling Unit & Containerised Power Distribution Unit'

**SYARAT-SYARAT LESEN PENGILANG
AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 1975 (AKTA 156)**

(a) Tapak : **SAC Industrial Park
Senai Airport City
81400 Senai
JOHOR DARUL TA'ZIM**

(tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan)

- (b) Penjualan saham-saham syarikat ini perlu dimaklumkan kepada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
- (c) Syarikat ini hendaklah melatih warganegara Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.
- (d) Syarikat hendaklah mematuhi syarat Nisbah Pelaburan Modal Sepekerja – *Capital Investment Per Employee* (CIPE) sekurang-kurangnya RM140,000.00.
- (e) Jumlah gunatenaga sepenuh masa syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia. Penggajian rakyat asing termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyumberan luar adalah tertakluk kepada dasar semasa.

Lampiran A2 (Sambungan)

No. Rujukan MIDA : ML/2025/01344
No. Rujukan Fail : MIDA.012.600-4/1/660
Nama Syarikat : EPG Data Center Module Sdn. Bhd.
Aktiviti/Keluaran : 'IT Module Skid, Power Generator, Modular Cooling Unit & Containerised Power Distribution Unit'

- (f) Syarikat hendaklah mengemukakan maklumat mengenai prestasi pelaburan dan pelaksanaan projek di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) dan Akta MIDA, 1965 apabila dikehendaki oleh MIDA. Kegagalan untuk mengemukakan maklumat tersebut boleh menyebabkan syarikat:
- i. bersalah atas sesuatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi satu (1) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan atau kedua-duanya dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan; atau
 - ii. melakukan sesuatu kesalahan sekiranya memberikan apa-apa penyata atau maklumat lain yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material dan boleh didenda tidak melebihi dua (2) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.
- (g) Syarikat hendaklah melaksanakan projeknya seperti diluluskan dan mematuhi segala peraturan/peruntukan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) dan mengikut undang-undang serta peraturan lain yang termaktub di Malaysia.

No. Rujukan MIDA : ML/2025/01344
No. Rujukan Fail : MIDA.012.600-4/1/660
Nama Syarikat : EPG Data Center Module Sdn. Bhd.
Aktiviti/Keluaran : 'IT Module Skid, Power Generator, Modular Cooling Unit & Containerised Power Distribution Unit'

GARIS PANDUAN LESEN PENGILANG

A. Dokumen Untuk Penyediaan Lesen Pengilang

- i. Memorandum dan Artikel Syarikat (M&A) / Profail Korporat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- ii. Sesalinan surat yang menunjukkan tiada halangan terhadap penempatan projek daripada Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan di alamat berikut:

Ketua Eksekutif

Invest Johor

Aras 3 Blok B, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak

Kota Iskandar

79000 Iskandar Puteri

JOHOR DARUL TA'ZIM

B. Permohonan Untuk Projek Pembesaran/Pelbagaian

Sekiranya syarikat tuan bercadang untuk membuat pembesaran keupayaan pengeluaran atau mempelbagaikan keluaran, tuan adalah dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Pelesen (Ketua Setiausaha, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri) dengan mengemukakan permohonan **Expansion** atau **Diversification** secara atas talian melalui portal InvestMalaysia di pautan <https://investmalaysia.mida.gov.my>.

C. Permohonan Pindaan Ke Atas Lesen Pengilang Yang Telah Diluluskan

Bagi sebarang pindaan ke atas Lesen Pengilang yang telah diluluskan, syarikat dikehendaki mengemukakan permohonan secara atas talian melalui portal InvestMalaysia di pautan <https://investmalaysia.mida.gov.my>.

D. Garis Panduan Dan Pematuhan-Pematuhan Oleh Kementerian / Agensi / Jabatan Yang Berkaitan.

Syarikat hendaklah mematuhi syarat-syarat yang digariskan oleh Kementerian / Agensi / Jabatan yang berkaitan sebelum pelaksanaan dan sepanjang tempoh pengeluaran Lesen Pengilang seperti berikut:

I. JABATAN ALAM SEKITAR

- i. Memastikan penempatan industri adalah selaras dengan Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan dan 'Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia, EESIM (2017)' terbitan Jabatan Alam Sekitar.
- ii. Mengemukakan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment*), sekiranya aktiviti tersebut tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 kepada Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan penilaian dan kelulusan sebelum apa-apa kerja tanah atau pembinaan dimulakan di tapak cadangan projek.
- iii. Mengemukakan notifikasi pemasangan alat kawalan pencemaran alam sekitar yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan berkaitan di bawahnya kepada Jabatan Alam Sekitar untuk kelulusan sebelum kerja pemasangan dilakukan.

E. Kerjasama Dengan Perkhidmatan Arkitek Dan Kejuruteraan Tempatan.

Bagi pembinaan fasiliti perkilangan yang melibatkan perkhidmatan:

- i. arkitek, syarikat (termasuk syarikat kontraktor yang dilantik), digalakkan menggunakan perkhidmatan atau bekerjasama dengan *Architectural Consultancy Practice* yang dikawal selia oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM). Sila rujuk laman sesawang terkini Lembaga Arkitek Malaysia; dan/atau
- ii. kejuruteraan, syarikat (termasuk syarikat kontraktor yang dilantik), digalakkan menggunakan perkhidmatan atau bekerjasama dengan *Engineering Consultancy Practice* yang dikawal selia oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Sila rujuk laman sesawang terkini Lembaga Jurutera Malaysia.

F. Fasilitasi Pelaksanaan Projek

Project Implementation and Facilitation Office (TRACK), Bahagian Pasca Pelaburan menyediakan khidmat fasilitasi kepada syarikat bagi memastikan pelaksanaan projek yang diluluskan berjalan lancar mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Bagi tujuan tersebut syarikat perlu melaporkan status pelaksanaan projek di *Implementation & Tracking Monitoring System (ITMS) @ On-Track*. Maklumat akses ID dan katalaluan akan diberikan kemudian oleh TRACK.

G. Pelaporan Pelaksanaan Projek dan Prestasi Pelaburan Syarikat

Syarikat/projek yang diluluskan Lesen Pengilang (Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 [Akta 156]), dan/atau Kebenaran (Akta Kemajuan Petroleum 1974) dan/atau insentif/geran (Akta Penggalakan Pelaburan 1986/Akta Cukai Pendapatan 1967) di bawah kelolaan MITI/MIDA akan menerima kajiselidik *Implementation Survey* dan *Annual Performance Report* bagi tujuan pemantauan status pelaksanaan projek dan prestasi pelaburan syarikat secara automatik melalui Sistem InvestMalaysia. Syarikat tuan/puan adalah dikehendaki untuk menjawab kajiselidik-kajiselidik tersebut dengan mengemaskini status kemajuan pelaksanaan projek serta maklumat prestasi pelaburan syarikat terkini.